



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2004/2005**

NAMA MATA PELAJARAN : STRUKTUR DATA DAN ALGORITMA

KOD MATA PELAJARAN : DTI 2113

KURSUS : 2 DTI

TARIKH PEPERIKSAAN : OKTOBER 2004

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A DAN EMPAT (4) SOALAN SAHAJA DI BAHAGIAN B

**BAHAGIAN A****ARAHAN:** Jawab semua soalan berikut.**S1** Berikan **tiga (3)** jenis struktur data yang telah anda pelajari.

(3 markah)

**S2** Apakah perbezaan di antara baris gilir (*queues*) dan timbunan (*stacks*).

(2 markah)

**S3** Berikan definisi struktur data timbunan (*stacks*). Nyatakan **dua (2)** ciri-ciri utama struktur data tersebut.

(4 markah)

**S4** Lukiskan rajah bagi senarai berpaut membulat (*circular linked list*).

(3 markah)

**S5** Jelaskan kaedah yang digunakan untuk mengatasi masalah baris gilir (*queues*) berasaskan tatasusunan (*arrays*).

(3 markah)

**S6** Nyatakan perbezaan bagi Isihan Cantum (*merge sort*) dan Isihan Cepat (*quick sort*).

(5 markah)

**BAHAGIAN B****ARAHAN: Jawab empat (4) soalan SAHAJA.**

- S7 (a)** Bina satu pengisytiharan struktur data senarai berpaut (*linked list*) yang akan menyimpan data-data berikut:

- (i) Medan Nama              40 aksara
- (ii) Medan No\_Matrik      8 aksara
- (iii) Medan No\_IC          12 aksara
- (iv) Medan next              penuding ke nod seterusnya.

(5 markah)

- (b)** Isytiharkan tiga (3) pembolehubah penunjuk bagi struktur yang diisyiharkan di dalam S7 (a).

(3 markah)

- (c)** Peruntukkan ruang lokasi storan dinamik bagi dua (2) pembolehubah yang telah diisyiharkan di S7 (b).

(4 markah)

- (d)** Tuliskan algoritma kemasukan yang mengambil kira tiga (3) keadaan nod iaitu nod pertama (1) atau satu-satunya nod dalam senarai, nod berada di tengah-tengah senarai dan nod adalah nod terakhir di dalam senarai berpaut.

(8 markah)

- S8 (a)** Diberi senarai nombor berikut

**215, 68, 5, 100, 12, 77**

Lukiskan gambaran satu persatu bagaimana Isihan Buih (*bubble sort*) dilaksanakan untuk menghasilkan nombor-nombor di atas menggunakan:

- (i) Susunan menaik
- (ii) Susunan menurun

(16 markah)

- (b)** Nyatakan konsep yang digunakan dalam Isihan Cantum (*merge sort*) Kaedah Kedua.

(4 markah)

**S9** Berikut adalah timbunan (*stacks*) bagi nama-nama bandar di Malaysia:

TIMBUNAN : Johor Bahru, Kuantan, Seremban, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_

(a) Huraikan timbunan jika operasi berikut dilaksanakan,

- (i) PUSH (TIMBUNAN, Shah Alam)
- (ii) POP (TIMBUNAN, ITEM)
- (iii) POP(TIMBUNAN,ITEM)
- (iv) PUSH(TIMBUNAN,Alor Setar)
- (v) PUSH(TIMBUNAN,Kuala Terengganu)
- (vi) POP(TIMBUNAN,ITEM)

( 6 markah )

(b) Huraikan timbunan jika operasi POP(TIMBUNAN, ITEM) hapuskan Johor Bahru.  
( 2 markah )

(c) Tukarkan ungkapan *infix* berikut kepada ungkapan *postfix*:

- (i) A \* (B / C / D) – E
- (ii) A + B \$ C – (D \$ E)

( 8 markah )

(d) Nyatakan operasi asas bagi timbunan berdasarkan penunjuk.

( 4 markah )

**S10** (a) Apakah yang dimaksudkan dengan carian (*searching*)?

(2 markah)

(b) Berdasarkan senarai data dalam tatasusunan di bawah, lakukan carian perduaan (*binary search*). Dengan bantuan gambarajah yang sesuai, laksanakan carian tersebut secara langkah demi langkah bagi setiap kekunci carian di bawah:


[0]	[1]	[2]	[3]	[4]	[5]	[6]	[7]
4	8	12	16	20	24	28	32

- (i) 8

- (ii) 23

(18 markah)

- S11 (a)** Nyatakan tiga (3) perkara yang perlu diambil kira apabila satu nod N, hendak dihapuskan dari satu pepohon binari. (3 markah)
- (b)** Jawab soalan berikut berdasarkan kepada pepohon di **Rajah S11**

**Rajah S11**

- (i) Lukis semula pepohon yang akan terbentuk apabila nod K ingin diselitkan. (3 markah)
- (ii) Lukis semula pepohon yang akan terbentuk jika nod M ingin dihapuskan, anggap bahawa S11 (b)(ii) dilakukan selepas S11 (b)(i). (4 markah)
- (iii) Berdasarkan kepada pepohon yang terbentuk dalam S11 (b)(ii), apakah yang akan dicetak sekiranya penyusuran *preorder* dan *postorder* dilaksanakan? (10 markah)

**S12** Katakan satu baris gilir membulat (*circular queue*) berasaskan tatasusunan boleh mengandungi 6 unsur. Kandungan semasa baris gilir itu ialah aksara, ‘\$’, ‘#’, ‘%’, ‘+’ dan ‘@’. Dengan mengandaikan aksara ‘\$’ disimpan pada kedudukan pertama dan diikuti dengan aksara seterusnya:

- (a) Lukiskan rajah baris gilir tersebut. (4 markah)
- (b) Apakah nilai dan kandungan di dalam **kepala** (*head*) dan **ekor** (*tail*) baris gilir ini? (4 markah)
- (c) (i) Berdasarkan kepada baris gilir di S12 (a), keluarkan data yang pertama dalam baris gilir ini. Lukiskan rajah baris gilir yang terhasil. (2 markah)
- (ii) Selitkan aksara ‘L’ dan ‘R’ di dalam baris gilir yang anda perolehi di S12 (c)(i). Lukiskan gambarajah baris gilir yang baru. (6 markah)
- (iii) Apakah nilai dan kandungan bagi **kepala** (*head*) dan **ekor** (*tail*) baris gilir di S12 (c)(ii)? (4 markah)